

# Persoalan wuduk di Tanah Suci

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

**D**ALAM menuju ke Kota Suci Mekah dan melaksanakan ibadat haji, pelbagai permasalahan timbul dari sekecil-sekecil perkara sehingga sebesar-besarnya.

Bermula daripada berniat untuk menuju ke Mekah, bertaubat dan bermusafir hingga kepada selesainya acara ibadat haji seperti tawaf wada', ziarah Rasulullah SAW dan berangkat pulang juga dibahaskan oleh para ulama sama ada daripada segi adab, rukun, tertib, wajib dan lain-lain lagi.

Antara ulama yang terkenal dalam membahaskan hal ini ialah Imam al-Nawawi melalui kitabnya, *al-Idhah fi Manasik al-Haji wa al-Umrah*.

Perbincangan pada kali ini akan dinyatakan secara ringkas memandangkan ruang yang terbatas dan terhad ini.

## Wuduk

Wuduk berasal daripada perkataan *wadha'ah*. Menurut bahasa, ia bererti elok dan berseri, manakala dalam syarak pula adalah perbuatan menggunakan air pada anggota-anggota tertentu beserta dengan niat.

Ia dinamakan demikian kerana perbuatan tersebut mengelokkan dan menyerikan anggota yang dibasuh dan dibersihkan. Perkataan *wadhu'* pula ialah nama air yang digunakan untuk berwuduk.

Berkenaan permasalahan wuduk, isunya adalah bersentuhan antara lelaki dan perempuan yang ajnabi, adakah ia membatalkan wuduk atau sebaliknya?

Dalam hal ini, Imam al-Nawawi telah menyebut di dalam kitabnya yang masyhur.

Justeru, sayugia bagi lelaki jangan melalui tempat yang sesak ini. Begitu juga bagi wanita jangan bersesakan di tempat lelaki kerana dibimbangi batal wuduk. Jika salah seorang bersentuh kulit seseorang yang lain, hukumannya batal wuduk yang menyentuh, dan yang kena sentuh ada dua pendapat menurut Imam al-Syafie:

Pendapat pertama: Bahawa hukumannya batal wuduknya. Inilah yang dinaskan dalam kebanyakan kitabnya.

Pendapat kedua: Tidak batal wuduknya. Inilah yang dipilih oleh jemaah yang sedikit daripada ashabnya. Sedangkan pendapat yang terpilih batal iaitu pendapat pertama.

Isu batal wuduk adalah bersentuhan

## Bimbingan Haji

**Apabila seseorang solat dengan tayamum kerana ketiadaan air yang wajib digunakannya, maka tidaklah wajib baginya mengulang solat sama ada musafirnya itu lama atau sekejap**

antara lelaki dan perempuan dibahaskan oleh ulama dengan panjang lebar sejak dahulu lagi.

Muzakarah Haji oleh Tabung Haji memutuskan bahawa sekiranya di Mekah pada musim haji ketika tawaf atau berada dalam Masjid al-Haram tidak batal wuduk bersentuh antara lelaki dan perempuan yang ajnabi kerana darurat dan sukar untuk memelihara wuduknya.

## Tayamum

Tayamum daripada segi bahasa bererti tujuan, sementara menurut syarak pula adalah menyapu debu tanah yang suci kemuka dan dua tangan dengan niat dan cara yang tertentu.

Imam al-Nawawi berkata: Tidak sah tayamum untuk menunaikan fardu solat kecuali selepas masuk waktu solat. Begitu juga solat sunat rawatib mengikut pendapat yang asah. Dan tidak boleh solat untuk satu tayamum lebih daripada satu fardu solat sahaja. Tetapi dia boleh solat sunat seberapa banyak yang dia mahu sebelum solat fardu atau selepasnya, sama ada dalam waktu atau luarnya.

Apabila seseorang solat dengan tayamum kerana ketiadaan air yang wajib digunakannya, maka tidaklah wajib baginya mengulang solat sama ada musafirnya itu lama atau sekejap.

Jika dia mendapati air selepas solat di mana waktu masih ada atau dalam solat, maka sah solatnya tanpa perlu mengulang.

Jika dia tidak mendapati air atau debu tanah, hendaklah dia solat mengikut keadaan fardu yang satu sahaja. Kemudian dia wajib mengulang solat dengan air atau debu tanah.

Dalam *al-Fiqh al-Manhaji* menyebut antara sebab yang membolehkan tayamum adalah:

Terhalang daripada menggunakan air sama ada halangan yang nyata, seperti ada air di tempat yang berhampiran tetapi tidak jauh dari situ pula ada musuh yang ditakuti. Ataupun ada halangan syarak, iaitu seperti takut menggunakan air kerana bimbang terkena penyakit dan melambatkan proses penyembuhan.

Dalam keadaan yang demikian, dia bolehlah bertayamum dan tidak wajib menggunakan air. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW tentang seorang yang mendapat luka di kepala dan meninggal dunia selepas dia mandi.

## Solat menghormati waktu

Dalam musafir khususnya menuju ke Baitullah al-Haram, menaiki kapal terbang yang mengambil masa antara 7 hingga 8 jam. Kadang-kadang membabitkan waktu solat.

Saat yang sama mungkin merasa kesukaran untuk berwuduk atau menentukan arah tanda kiblat justeru, ada atau tidak solat menghormati waktu?

## Jawapan:

● Solat adalah salah satu rukun Islam yang utama, disebut dalam banyak hadis gelaran atau nama yang baik kepada solat seperti tiang seri agama, cahaya, dan lain-lain.

Islam amat cakna dan prihatin terhadap solat supaya dipeliharakannya dalam apa jua keadaan. Saat yang sama ancaman amat keras bagi siapa yang meninggalkan solat dan mengabaikannya atau melakukan sambil lewa.

Justeru, atas dasar inilah melaksanakan ibadat solat perlu walau dalam apa keadaan sekalipun. Dalam Mazhab Syafie terdapatnya solat menghormati waktu antaranya kerana:

i. Orang yang luput dua alat taharah iaitu air dan tanah. Dalam *al-Fiqh al-Mazahib al-Arba'ah* (1/167) wajib *ia'dah* (mengulangi) solat bagi yang melakukannya dalam keadaan menghormati setelah mendapati air.

ii. Tersalah mengadap kiblat ketika mengijtihad mengadap kiblat tanpa arah yang betul, hendaklah *ia'dah* solat.

Begitu juga yakin tersilap kiblat secara pasti maka wajib *ia'dah* 1/201. Imam al-Nawawi dalam *al-Idhah* hal. 80 juga menyebut hal yang sama.